




NASIB BAIK...Jual Ariffin menunjukkan tempat dia mencekup lelaki cuba curi kerbau miliknya.

Menguak 'beri amaran'

HARIAN METRO

9/8/2012

Penternak dapat selamatkan kerbau daripada dicuri

**>>Oleh Sitie
Nurhajatulziah Mohd Nor**
am@hmetro.com.my

REMBAU: Seorang penternak di Kampung Chembong, Air Hitam, dekat sini, tidak menyangka bunyi bising di kawasan kandang kerbau peliharaannya, petang kelmarin, rupa-rupa angkara dua penyangak yang cuba mencuri ternakannya itu.

Kandang kerbau miliknya terletak di dalam ladang kelapa sawit dan berhampiran hutan kira-kira dua kilometer dari kampung itu.

Jual Ariffin Ismail, 59, berkata, dalam kejadian kira-kira jam 1.30 tengah hari itu, dia berehat di dalam pondok berhampiran sebelum terkejut mendengar bunyi bising di kandang kerbau lalu bergegas memeriksa.

"Saya sedang berehat di dalam pondok, tiba-tiba terdengar bunyi kerbau menguak kuat. Serentak itu saya capai parang dan menyusur ke dalam semak di belakang kandang dan terkejut melihat dua lelaki sedang mengikat dan cuba menarik kerbau yang lemah selepas disumpit dengan ubat pelali," katanya.

Menurutnya, sebaik saja melihat keadaan itu, dia terus menahan dua lelaki berusia dalam lingkungan 20-an dan bertanya siapa mengarahkan mereka untuk mencuri ker-

bau miliknya.

Katanya, dalam keadaan cemas itu dia menghentak hulu parang ke perut seorang seorang pencuri sebelum kedua-dua suspek merayu supaya dilepaskan dan menjerit memohon ampun.

"Saya kemudian menyuruh kedua-dua mereka membuka ikatan tali pada leher kerbau dan tiba-tiba seorang daripada mereka menjerit suruh rakannya lari.

"Dengan secepat kilat mereka bertempian lari masuk ke dalam hutan. Saya bergegas keluar dari kawasan kandang menaiki kereta untuk mengejar mereka dan akhirnya menjumpai seorang daripada lelaki tadi yang tercungap-cungap keluar dari semak.

"Ketika itu juga saya menahan sebuah kereta Proton Iswara di tepi hutan berdekatan dipercayai sedang menunggu dua lagi rakannya yang cuba mencuri kerbau milik saya," katanya ketika di temui di tempat kejadian.

Jual Ariffin berkata, dia kemudiannya menghubungi adik lelakinya dan pihak polis memaklumkan kejadian itu.

Tidak lama kemudian, katanya, muncul seorang lelaki mendakwa kerbau itu miliknya dan menunjukkan surat jual beli kerbau sebanyak 12 ekor.

"Saya yakin lelaki itu me-

nipu kerana kerbau itu milik saya dan sebaik saja polis tiba semua mereka dibawa ke balai untuk tindakan lanjut. Saya harap mereka dikenakan hukuman setimpal," katanya.

Katanya, dia lega kerana menyedari perbuatan dua lelaki terbabit sekali gus menyelamatkan kerbau miliknya daripada dicuri.

"Bulan lalu saya kehilangan seekor lembu dan sehingga kini tidak ditemui. Mujur kali ini saya menyedari cubaan mencuri kerbau. Saya kesal kerana disebabkan mahu mendapatkan duit dengan cara mudah ada pihak sanggup mencuri.

"Nampaknya kempunanlah mereka kerana tidak berjaya mencuri kerbau dan lebih malang lagi perbuatan mereka berjaya dihidu.

"Hampir 20 tahun menjadi penternak dan ini kali pertama saya berjaya menangkap pencuri," katanya yang membuat laporan polis di Balai Polis Chembong, petang kelmarin.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah, Deputy Superintendan Mizan Md Dom ketika dihubungi, mengesahkan mengenai laporan.

"Sejurus menerima laporan, pihak polis menahan lapan lelaki dipercayai terbabit dalam kejadian itu dan siasatan lanjut sedang dijalankan mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan," katanya.